

TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM
KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR DI KOLEJ
ANTARABANGSA IKIP

MOHD ZAMRI BIN IBRAHIM

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik)

Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2012

ABSTRAK

Terdapat tujuh kemahiran insaniah (KI) yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang perlu dikuasai oleh bakal graduan sebelum menempuh alam pekerjaan. Penguasaan kemahiran insaniah yang baik selain daripada pencapaian akademik yang cemerlang akan dapat mencerahkan lagi harapan pelajar untuk menonjolkan diri mereka sebagai calon modal insan yang berkaliber dan fleksibel. Ia juga merupakan salah satu nilai tambah yang diperhatikan oleh bakal majikan. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan bagi tiga kemahiran insaniah sahaja iaitu kemahiran berkomunikasi; kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah; dan kemahiran kerja berpasukan serta mengenalpasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dirasakan berupaya untuk menerapkan kemahiran insaniah tersebut berdasarkan pandangan responden. Perbezaan tahap penguasaan kemahiran insaniah tersebut merentasi bidang pengajian dan jantina juga dikaji. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajiannya. Sampel dipilih secara rawak yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang sedang berada ditahun akhir pengajian mereka di Kolej Antarabangsa IKIP (IKIP), Kuantan, Pahang. Seramai 127 orang sampel daripada 191 orang jumlah populasi telah dipilih. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Perisian SPSS bagi mendapatkan analisis deskriptif skor min serta analisis statistik inferensi Ujian-t dan Ujian ANOVA. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan ketiga-tiga kemahiran insaniah tersebut bagi pelajar di IKIP adalah berada ditahap yang tinggi manakala kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk menerapkan ketiga-tiga kemahiran insaniah tersebut adalah sesi perbincangan secara bersemuka dengan pensyarah, sesi sumbangsaran (*brainstorming*) dan sesi membuat kajian kes. Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penguasaan kemahiran insaniah tersebut merentasi bidang pengajian dan jantina. Implikasi kajian ini akan dapat memberikan gambaran tentang kepentingan untuk menguasai kemahiran insaniah ini bagi pelajar, pusat pengajian dan para pensyarah.

ABSTRACT

There are seven soft skills (KI), which has been outlined by the Ministry of Higher Education (MOHE) to be dominated by the graduates before they go for employment. Good mastery of soft skills besides academic achievements will help to distinguished them among all the graduates as good potential human capitals with high quality attributes and flexibility. These are also one of the added values that were observed by the prospective employers. The objective of this study was to identify the level of mastery of only three soft skills which are communication skills; critical and problem-solving skills and teamwork skills and to identify the teaching and learning methods which they perceive as able to incorporate these soft skills. Differences in the level of these soft skills across their fields of study and gender were also studied. This is a survey type study using questionnaires as the research instrument. Randomly selected sample of students are chosen who are in their final year of study at the IKIP International College (IKIP), Kuantan, Pahang. A total number of 127 samples out of the 191 total populations have been selected. Data were analyzed using SPSS software in order to analyze the mean descriptive and the inferential statistical analysis t-test and ANOVA test. Results showed that the level of mastery of these three soft skills for IKIP students are at a high level while the methods of teaching and learning to implement these three soft skills are face to face sessions with lecturers, brainstorming sessions and a case study session. This study also found that there were no significant differences in terms of the level of mastery of these three soft skills across fields of study and gender. The implications of this research will provide an overview of the importance of these soft skills for students, institutions and the lecturers.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	5
	1.3 Pernyataan masalah	9
	1.4 Tujuan kajian	10
	1.5 Objektif kajian	11
	1.6 Persoalan kajian	11
	1.7 Hipotesis kajian	12
	1.8 Kerangka konsep	13
	1.9 Kepentingan kajian	14
	1.10 Skop kajian	14
	1.11 Batasan kajian	15
	1.12 Definisi operasional	15
	1.12.1 Pelajar Kejuruteraan	15
	1.12.2 Pelajar Sains Komputer	15
	1.12.3 Pelajar Pengurusan	16
	1.12.4 Pengajaran dan pembelajaran	16
	1.12.5 Tahap penguasaan	16

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Definisi Kemahiran Insaniah	17
2.3	Kemahiran Insaniah yang diperlukan oleh industri	18
2.4	Kemahiran Insaniah yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi	21
2.4.1	Kemahiran berkomunikasi	22
2.4.2	Kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah	22
2.4.3	Kemahiran kerja berpasukan	23
2.5	Penerapan Kemahiran Insaniah dalam pembelajaran	24
2.5.1	Perancangan	26
2.5.2	Perlaksanaan	26
2.5.3	Pentaksiran	26
2.6	Definisi pembelajaran	27
2.7	Pelbagai teori dan model pembelajaran	27
2.7.1	Teori Behaviorisme	28
2.7.2	Teori Kognitivisme	28
2.7.3	Teori Konstruktivisme	29
2.7.4	Pembelajaran berasaskan pengalaman (pusingan pembelajaran Kolb)	30
2.8	Kaedah Pengajaran di IPT	32
2.8.1	Pengajaran dan pembelajaran beramai-ramai.	33
2.8.2	Pengajaran berkumpulan	33
2.8.2.1	Tutorial	35
2.8.2.2	Perbincangan secara bersemuka satu-dengan-satu	35
2.8.2.3	Sumbang saran (<i>Brainstorming</i>)	36
2.8.2.4	Simulasi dan Kajian Kes (<i>Case Studies</i>)	36
2.9	Pengajaran individu	37
2.9.1	Kaedah pembelajaran individu	38
2.9.1.1	Kajian terarah bahan dalam buku teks dan bahan bercetak lain	38

	2.9.1.2 Pengajaran sendiri (<i>self-instruction</i>) melalui bahan media	38
	2.9.1.3 Pembelajaran berasaskan komputer dan multimedia	38
	2.9.1.4 Tugas/Projek individu	39
2.10	Kajian-kajian lepas	39
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	44
3.1	Pengenalan	44
3.2	Rekabentuk kajian	44
3.3	Tempat kajian	45
3.4	Persampelan kajian	46
3.5	Instrumen Kajian	46
	3.5.1 Bahagian A : Maklumat peribadi	47
	3.5.2 Bahagian B : Tahap penguasaan Kemahiran Insaniah (KI)	47
	3.5.3 Bahagian C : Komen & Pendapat	49
3.6	Kajian Rintis	49
	3.6.1 Kesahan dan kebolehpercayaan	50
3.7	Pengumpulan Data	51
3.8	Kaedah Analisis Data	52
3.9	Kerangka Kerja Operasi	54
3.10	Jangkaan Dapatan Kajian	55
3.11	Rumusan	55
BAB 4	KEPUTUSAN DAN ANALISIS DATA	56
4.1	Pengenalan	56
4.2	Analisis data demografi pelajar	56
4.3	Tahap penguasaan kemahiran insaniah responden	58
	4.3.1 Analisis tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi responden	58
	4.3.2 Analisis tahap penguasaan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah responden	59

4.3.3	Analisis tahap penguasaan kemahiran kerja berpasukan responden	60
4.3.4	Analisis tahap penguasaan kemahiran secara menyeluruh	61
4.4	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran insaniah responden	62
4.4.1	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran berkomunikasi responden	62
4.4.2	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah responden	63
4.4.3	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran kerja berpasukan responden	63
4.5	Perbezaan di antara kemahiran insaniah dengan bidang pengkhususan responden	64
4.5.1	Perbezaan di antara kemahiran berkomunikasi dengan bidang pengkhususan responden	65
4.5.2	Perbezaan di antara kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah dengan bidang pengkhususan responden	65
4.5.3	Perbezaan di antara kemahiran kerja berpasukan dengan bidang pengkhususan responden	66
4.6	Perbezaan di antara kemahiran insaniah dengan jantina responden	66
4.7	Rumusan	68
BAB 5	PEBINCANGAN DAN KESIMPULAN	69
5.1	Pengenalan	69

5.2	Tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir IKIP	70
5.3	Tahap penguasaan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir IKIP	72
5.4	Tahap penguasaan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir IKIP	74
5.5	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran insaniah responden	75
5.5.1	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran berkomunikasi	76
5.5.2	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah	77
5.5.3	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah	78
5.6	Perbezaan di antara kemahiran insaniah dengan bidang pengkhususan	79
5.7	Perbezaan di antara kemahiran insaniah dengan jantina	80
5.8	Cadangan	80
5.8.1	Cadangan kepada Kementerian Pengajian Tinggi	81
5.8.2	Cadangan kepada Instutusi Pengajian Tinggi	82
5.8.2	Cadangan kepada pelajar	82
5.9	Cadangan kajian pada masa hadapan	82
5.10	Kesimpulan	83

SENARAI JADUAL

2.1	Permintaan Kemahiran Insaniah Mengikut Industri	21
2.2	Konsep-Konsep Asas Berhubung Dengan Teori Kognitivisme Piaget	29
2.3	Pendekatan Pengajaran di IPT	32
3.1	Skala digunakan dalam soal selidik	48
3.2	Nilai pekali <i>Alpha Cronbach</i> yang diperolehi	51
3.3	Kaedah analisis data	52
3.4	Selang kelas dan klasifikasi	53
4.1	Pecahan responden mengikut jantina	57
4.2	Bilangan responden berdasarkan kursus dan bidang pengkhususan	57
4.3	Skor min tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi	59
4.4	Skor min tahap penguasaan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah	60
4.5	Skor min tahap penguasaan kemahiran kerja berpasukan	61
4.6	Skor min tahap penguasaan kemahiran insaniah secara keseluruhan	61
4.7	Skor min kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran berkomunikasi	62
4.8	Skor min kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah	63
4.9	Skor min kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran kerja berpasukan	64
4.10	Skor min bagi kemahiran insaniah mengikut bidang pengkhususan responden	65

4.11	Ujian ANOVA mengenai perbezaan di antara kemahiran berkomunikasi dengan bidang pengkhususan responden	65
4.12	Ujian ANOVA mengenai perbezaan di antara kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah dengan bidang pengkhususan responden	66
4.13	Ujian ANOVA mengenai perbezaan di antara kemahiran kerja berpasukan dengan bidang pengkhususan responden	66
4.14	Skor min bagi tahap penguasaan kemahiran insaniah dengan jantina responden	67
4.15	Keputusan ujian-t tidak bersandar di antara kemahiran insaniah dengan jantina responden	68
5.1	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu menerapkan kemahiran insaniah	76

SENARAI RAJAH

1.1	Status Pekerjaan Graduan 2010 mengikut IPT.	6
1.2	Kerangka konsep kajian	13
2.1	Model Penerapan Kemahiran Insaniah	25
2.2	Pusingan Pembelajaran Kolb	31
3.1	Contoh skala dan arahan menjawab soalan	48
3.2	Pegiraan untuk mendapatkan pecahan pengkelasan	53
3.3	Kerangka kerja operasi	54

SENARAI SINGKATAN

CADE -	Pusat Pembangunan Akademik UPM
ICT -	<i>Information and Communication Technology</i>
IKIP -	Kolej Antarabangsa IKIP
IPPTN -	Institut Penyelidikan Pengajian Tinggi Negara
IPTA -	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS -	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KI -	Kemahiran Insaniah
KPT -	Kementerian Pengajian Tinggi
KDI -	Ekonomi Berasaskan Pengetahuan
PMI -	Pembangunan Modal Insan
MSC -	Koridor Raya Multimedia
MTEN -	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
My3s -	Skala Kemahiran Insaniah Malaysia
NITA -	Agenda IT Negara
UiTM -	Universiti Teknologi MARA
UTM -	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

A	Jadual untuk menentukan saiz sampel dari populasi	94
B	Borang Soal Selidik	95
C	Borang Semakan Soal Selidik	102
D	Ujian Kebolehpercayaan, Analisis Skor Min, Analisis Ujian ANOVA dan Analisis Ujian-t	108

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia kini sedang giat menuju ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Justeru itu, keperluan kepada modal insan yang berkemahiran tinggi amat penting bagi melaksanakan visi tersebut. Modal insan merupakan penyumbang utama kepada penjanaaan kekayaan baru negara. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, negara harus sentiasa berusaha untuk menyediakan tenaga kerja berwibawa yang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi. Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Inilah modal insan yang memiliki personaliti unggul. Merekalah yang akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan (Abdullah, 2006).

Manakala Abd. Hair, Rahmah & Zafir (2009) pula mengatakan bahawa modal insan merupakan sesuatu yang dimiliki manusia yang menjadikannya lebih berkualiti. Pelaburan jangka panjang secara makro dalam usaha untuk meningkatkan modal insan yang berkualiti memerlukan program seperti pendidikan, latihan, penghijrahan dan kesihatan. Ia merupakan strategi yang dilakukan untuk mencapai matlamat perancangan tenaga manusia yang telah ditetapkan.

Menyedari tentang kepentingan modal insan ini, maka mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi telah mencetuskan revolusi idea dalam memberi penekanan terhadap usaha membangunkan modal insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi masa hadapan. Beliau telah memperkenalkan Pembangunan Modal Insan (PMI) yang menggariskan beberapa usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan modal insan di Malaysia. Ini kerana beliau

menyedari bahawa generasi masa hadapan merupakan aset insani Malaysia yang paling penting dalam usaha kerajaan merealisasikan kewujudan sebuah negara bangsa yang maju, cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang Wawasan 2020 (Abdullah, 2006).

Usaha murni tersebut telah diteruskan lagi melalui RMK-10 kerana modal insan merupakan pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah negara dan menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif. Tidak ada negara yang mampu untuk mencapai kemajuan tanpa memiliki modal insan yang cemerlang dan berkemahiran tinggi, boleh bertindak balas dengan pantas dan kreatif terhadap perubahan ekonomi, dan berpaksikan kepada penjanaaan dan penggunaan pengetahuan. Oleh itu, membangunkan dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia merupakan prasyarat penting bagi mencapai hasrat negara (RMK-10, 2010).

Dalam konteks organisasi pula, modal insan adalah sumber yang paling penting selain dari sumber-sumber lain seperti mesin dan peralatan, kewangan dan prosedur kerja. Modal insan adalah penggerak organisasi dan penentu kejayaan sesebuah organisasi dalam mencapai visi, misi, objektif, matlamat dan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan. Organisasi secara amnya merupakan himpunan individu (dua atau lebih individu) yang menjalankan tugas tersendiri mengikut unit kerja, yang kemudiannya diselaraskan bagi mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan (Ahmad, 1986). Menurut Rosleh (2010) pula, walaupun manusia mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang setaraf tetapi mereka tetap berbeza di antara satu sama lain disebabkan oleh faktor kemahiran dan sikap. Sikap merujuk kepada perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat, pendirian mahupun fikiran. Sikap banyak dipengaruhi oleh sistem kepercayaan yang dimiliki oleh seseorang individu iaitu nilai yang terbentuk hasil daripada proses pemasyarakatan atau sosialisasi yang dilalui dan dialami oleh seseorang individu, bermula daripada dalam kandungan ibunya hinggalah ke liang lahad.

Oleh itu, selain daripada pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar sepanjang pengajian rasmi mereka, kemahiran insaniah juga penting bagi membentuk modal insan kelas pertama (Jailani, 2007). Menurut Marliana & Ahmad (2008) pula, kemahiran insaniah merupakan kemahiran bukan teknikal yang sangat penting dalam pembangunan diri, sahsiah dan kehidupan seharian pelajar serta berguna untuk melahirkan insan yang mempunyai ketrampilan diri dan berdaya saing

sama ada diperingkat nasional mahupun antarabangsa. Kemahiran insaniah ini harus diberi perhatian yang sewajarnya selaras dengan wawasan negara bagi melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Justeru itu, perlu wujud institusi yang boleh melatih individu-individu tersebut untuk menjadi modal insan yang berguna kepada negara. Di sinilah datangnya peranan institusi pengajian dan juga pusat latihan. Institusi-institusi ini bukan hanya berperanan untuk menyediakan platform untuk pelajar mendalami dan mengembangkan ilmu pengetahuan, malah ia juga berperanan sebagai pusat latihan kepada bakal golongan profesional. Jika pendidikan yang diterima seimbang dan sepadan dengan tuntutan pekerjaan, kebiasaannya tidak banyak masalah yang akan timbul. Namun, kebelakangan ini, senario yang berlaku adalah pencapaian dalam bidang akademik semata-mata tidak dapat menjamin kebolehpasaran pelajar tersebut. Banyak aspek lain yang diperlukan oleh pihak majikan terutamanya aspek kemahiran insaniah.

Kajian yang dilakukan oleh Haslinda, Muhammad Nubli dan Zarina (2005) mengatakan bahawa pihak majikan lebih cenderung untuk mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan. Manakala kajian yang dilakukan oleh Pusat Pembangunan Akademik (CADE) UPM pula mendapati isu-isu berkaitan dengan kemahiran insaniah berada di tangga ke sepuluh semasa sesi temuduga dijalankan berbanding dengan isu berkaitan akademik yang berada di tangga ke lapan belas (Mohamad & Azali, 2008). Ini menunjukkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentukan kemahiran insaniah pelajar perlu diberi perhatian yang serius terutama di peringkat pengajian tinggi di negara kita.

Lantaran itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memberikan penekanan yang serius tentang pembentukan kemahiran insaniah ini dengan memperkenalkan Modul Kemahiran Insaniah yang mula diperkenalkan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada tahun 2006. Modul ini menggariskan tujuh elemen utama yang perlu diberi perhatian iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006).

Bagi mengetahui keberkesanan pelaksanaan modul ini pula, pihak KPT telah membangunkan sebuah instrumen yang dikenali sebagai Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (Malaysian Soft Skills Scale – My3S). My3S merupakan instrumen penilaian sendiri (*self assessment*) di mana pelajar akan menilai tahap penguasaan kemahiran insaniah mereka berdasarkan skala semantik dan dilaksanakan mulai Julai 2010. Penguasaan ini diukur berdasarkan kepada ketujuh-tujuh elemen utama yang telah digariskan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2011).

Selain dari itu, Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10) pula telah menyenaraikan strategi untuk mempertingkatkan kompetensi siswazah dan keberkesanan pembiayaan kos pengajian tinggi, iaitu dengan memperkukuhkan kerjasama industri dan penyelidikan; memberi lebih autonomi kepada universiti dan memperkukuh budaya berprestasi tinggi; memperkukuhkan kurikulum kursus pengajian bagi menyeimbangkan kandungan akademik dan *soft skills*; dan melantik dan mengekalkan staf akademik yang terbaik. Dapat diperhatikan bahawa agenda untuk mempertingkatkan kebolehan kemahiran insaniah telah diberi fokus utama dalam perancangan pembangunan negara. Institusi-institusi pendidikan pula perlu memainkan peranan mereka kerana di situlah tempatnya bakal-bakal modal insan dihasilkan yang kelak akan membangunkan Malaysia.


Justeru itu, pendidikan di institusi-institusi ini tidak boleh hanya menjurus kepada membekalkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar bagi memenuhi tuntutan pekerjaan sahaja, malah ianya juga bertujuan untuk mengalakkan perkembangan mental dan rohani pelajar dalam melahirkan golongan profesional yang serba boleh dan dapat mengadaptasi diri mereka dalam menghadapi perubahan yang berlaku. Ini dinyatakan dengan jelas didalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, yang menggariskan bahawa pendidikan di Malaysia perlu membangunkan potensi individu secara holistik dan bersepadu bagi melahirkan individu yang seimbang dari segi keupayaan intelek, rohani, emosi dan jasmani (Jailani, 2007).

1.2 Latar belakang masalah

Isu pengangguran merupakan isu global yang tidak terkecuali kepada negara-negara yang maju dan sedang membangun. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO, 2011), jumlah pengangguran di dunia kekal pada kadar 6.2% (205 juta) dalam tahun 2010 berbanding dengan 6.3% dalam tahun 2009. Ini adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kadar 5.6% dalam tahun 2007. Walaupun kawasan Asia Tenggara dan Pasifik menunjukkan pemulihan ekonomi yang memberangsangkan, kadar pengangguran menurun hanya sedikit sahaja dari 5.2% dalam tahun 2009 kepada 5.1% dalam tahun 2010. Ini menunjukkan bahawa isu ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja oleh Malaysia.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada merasa bahang kesan daripada isu global ini. Statistik di Malaysia menunjukkan bahawa pada tahun 2009, sebanyak 27% daripada siswazah institusi pengajian tinggi tempatan masih menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian. Bagi yang berjaya mendapatkan pekerjaan pula, 33% hanya memperolehi pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan (RMK-10). Berdasarkan kepada laporan kajian Institut Penyelidikan Pengajian Tinggi Negara, IPPTN (2004), seseorang graduan tersebut dikira sebagai penganggur sekiranya beliau tidak memperolehi pekerjaan yang layak dengan kelulusan beliau setelah enam bulan memperolehi ijazah dari universiti.

Kajian Pengesanan Graduan, KPT pula menunjukkan bahawa pada tahun 2010, kira-kira 62,000 (74%) daripada 84,000 graduan ijazah sarjana muda dan kira-kira 14,000 (76%) daripada 61,000 graduan diploma mendapat pekerjaan atau melanjutkan pengajian dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Selebihnya, iaitu 22,000 (26%) graduan sarjana muda dan 14,000 (24%) didapati masih menganggur dalam tempoh berkenaan. Manakala, seramai kira-kira 9,000 (24.1%) daripada 39,000 graduan IPTS masih menganggur dalam tempoh tersebut berbanding 21.4% graduan IPTA seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1. (Kementerian Pengajian Tinggi, 2011).



Rajah 1.1: Status Pekerjaan Graduan 2010 mengikut IPT.
(Kementerian Pengajian Tinggi, 2011)

Isu pengangguran ini tidak boleh dipandang ringan oleh sesebuah negara memandangkan ia akan memberi kesan jangka masa panjang kepada individu, sosial dan sosio-politik negara. Kajian yang dilakukan oleh Brenner (1979) mendapati bahawa peningkatan kadar pengangguran di sesebuah negara akan meningkatkan kadar kematian, penyakit yang berkaitan dengan jantung, bunuh diri dan juga kes jenayah. Lebih dari itu, pengangguran juga akan mengakibatkan negara kerugian besar dari segi kepakaran, pengetahuan dan kemahiran.

Dari segi sosial pula, menurut Friedman (1986) negara akan kerugian dari segi penggunaan kemahiran memandangkan pekerja yang diambil mungkin bukan dalam bidang sebenar kepakaran pekerja tersebut. Ini berikutan beliau tidak dapat memilih pekerjaan mengikut bidang kepakaran beliau yang sebenar. Bagi pekerja tersebut pula, beliau tidak dapat memanfaatkan kemahiran beliau dan terpaksa melakukan pekerjaan dalam bidang yang beliau tidak mahir. Ia akan mengambil masa untuk memahirkan diri beliau. Ini akan mengurangkan kecekapan ekonomi sesebuah negara sekiranya terlalu ramai pekerja yang tidak mahir ataupun separa mahir. Bagi penganggur pula, tempoh pengangguran yang lama akan menyebabkan mereka kehilangan kemahiran atau lupa dengan apa yang telah dipelajari kerana lama tidak dipraktikkan.

Sosio-politik negara akan terganggu dan tidak mustahil akan berlaku kekacauan atau penggulingan kerajaan jika perkara ini dibiarkan. Jika terlalu banyak pengangguran berlaku di sesebuah negara, penduduk akan beranggapan bahawa kerajaan sekarang tidak mampu atau telah gagal untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Ini menyebabkan mereka merasa tidak berpuas hati dan tidak mustahil boleh menjurus kepada berlakunya rusuhan (Castella & McClatchey, 2011). Kejadian ini boleh melumpuhkan terus ekonomi negara tersebut.

Namun begitu, selain daripada faktor ekonomi dunia, terdapat faktor-faktor lain yang dapat membezakan seseorang graduan dengan graduan yang lain. Faktor-faktor inilah yang menjadi faktor penentuan untuk seseorang graduan berjaya memperolehi pekerjaan. Menurut Wonacott (1979), kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa perubahan teknologi, kependudukan dan peningkatan persaingan merupakan tiga faktor utama yang menyebabkan penyediaan tenaga kerja menjadi isu yang kritikal pada masa kini. Oleh yang demikian, perantisan pelajar dirasakan amat perlu bagi mendapatkan latihan kemahiran sama ada di Amerika Syarikat atau di luar Amerika. Kaedah ini dapat melatih tenaga kerja yang berkemahiran dan menambahkan pengalaman beliau dan inilah yang diperlukan oleh sektor pekerjaan atau majikan-majikan yang menaja pelajar tersebut.

Ahmad Muhaimin, Jamalludin & Baharuddin (2008) pula menyatakan bahawa permintaan yang semakin tinggi kepada tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berpengetahuan memberi kesan kepada peningkatan persaingan dalam kalangan graduan bagi mendapatkan kerja yang diinginkan selepas tamat pengajian. Kesan dari persaingan yang tinggi ini menyebabkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan meningkat. Ini berikutan dengan persaingan yang sengit di antara graduan lulusan universiti tempatan, luar negara serta tenaga kerja asing. Walaupun kekosongan pekerjaan adalah berkadar langsung dengan penawaran kerja, majikan lebih tertumpu untuk memberikan keutamaan kepada tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran (IPPTN, 2004).

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia pula, Datuk Maznah Mazlan selepas merasmikan pameran kerjaya dan lepasan ijazah bertemakan "Graduan Aspire 2011" di KLCC juga turut menyokong bahawa ketidakmampuan bertutur dalam bahasa Inggeris, tiada pengalaman bekerja dan bersikap memilih pekerjaan adalah antara faktor utama ramai siswazah terus

menganggur. Kebanyakan majikan pula akan memberi lebih banyak markah kepada mereka yang memiliki pengalaman bekerja walaupun pengalaman yang diraih itu dalam kategori lebih rendah (Utusan Malaysia, 2011). Dapat diperhatikan di sini bahawa kemahiran insaniah amat penting bagi menaikkan kebolehpasaran graduan tersebut.

Tambahan pula, pihak industri beranggapan bahawa, adalah lebih kos efektif sekiranya graduan mendapat kemahiran daripada kursus universiti yang baik (Thomas, 1990) berbanding membangunkan kemahiran tersebut sendiri di industri. Oleh itu, adalah penting untuk institusi pengajian tinggi membangunkan kurikulum yang dapat menggabungkan kemahiran-kemahiran yang dikehendaki demi memenuhi kehendak pasaran dan industri.

Lantaran itu, kerajaan telah menegaskan bahawa institusi latihan kemahiran awam perlu selalu disemak semula bagi mengukuhkan keberkesannya (Jabatan Perdana Menteri, 2000). Ini disokong oleh Wood & Lange, (2000) yang menyelar institusi latihan kemahiran awam di United Kingdom (UK) yang kerap gagal menyediakan belia dengan kemahiran kerja yang diperlukan oleh pasaran sama ada di UK mahu pun di mana-mana. Hiedack & Schulz (1997) pula mendapati bahawa pekerja bukan sahaja kekurangan pengetahuan dan kemahiran kerja khusus tetapi juga "interdisciplinary skills" ataupun kemahiran insaniah. Oleh yang demikian, strategi latihan perlu memfokuskan kepada pengeluaran pelatih yang berkemahiran termasuklah kemahiran berfikir, inovatif untuk menyumbang kepada ekonomi berasaskan pengetahuan di Malaysia (Jabatan Perdana Menteri, RMK-8, 2001).

Terdapat empat faktor yang menyebabkan pentingnya seseorang individu itu untuk menguasai kemahiran insaniah. Pertamanya ialah untuk membolehkan seseorang itu untuk kekal bersaing di dalam pasaran pekerjaan yang sangat mencabar sekarang. Disamping itu juga, kemahiran insaniah juga akan membolehkan seseorang individu itu memperolehi kemahiran dan pengetahuan baru untuk bergerak maju ke hadapan. Kemahiran insaniah juga akan membolehkan seseorang itu berinteraksi atau bersosial dengan baik dan berkesan di dalam era yang memerlukan kerjasama di antara pelbagai bidang pengetahuan. Akhir sekali, disebabkan oleh sektor pekerjaan sekarang yang memang mencabar dan berubah dengan pantas, seseorang pekerja perlu cepat menyesuaikan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang baru (Mohd Shahandri & Saifuddin, 2009).

Lantaran itu, menyedari tentang kepentingan untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan telah melancarkan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) bermula bulan Julai 2011 dengan imbuhan sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan. Ini bertujuan bagi membantu graduan melengkapkan diri mereka dengan kemahiran insaniah yang sepatutnya. Program ini menyasarkan kepada graduan yang tidak mendapat sebarang pekerjaan selepas enam bulan menerima ijazah dan turut mempertimbangkan graduan yang mempunyai pekerjaan tidak setaraf dengan kelulusan. Struktur program latihan selama setahun ini mengandungi dua elemen iaitu latihan ketika bekerja dan kemahiran asas yang membabitkan komunikasi, pemikiran kreatif dan analitikal, penyesuaian organisasi, peningkatan sahsiah dan etika (Berita Harian, 2011).

Namun begitu, adalah tidak wajar untuk menyalahkan sektor industri dan majikan sepenuhnya terhadap masalah pengangguran ini kerana ia adalah hak pihak industri dan majikan berhak untuk menentukan kriteria bagi bakal pekerja mereka. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kepada graduan untuk memperlengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran insaniah yang sewajarnya sebelum menempuh alam pekerjaan. Institusi-institusi pengajian pula perlu turut membantu bakal-bakal graduan ini untuk memperlengkapkan diri dengan pengetahuan serta kemahiran insaniah yang diperlukan oleh industri.

1.3 Pernyataan masalah

Masalah pengangguran dikalangan graduan yang baru tamat pengajian seringkali dikaitkan dengan kelemahan mereka untuk menguasai kemahiran-kemahiran tambahan semasa tempoh pengajian rasmi mereka. Menurut Harian Metro (2007), hasil kajian oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada September 2005 hingga Oktober 2005 menunjukkan terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan masalah pengangguran di kalangan graduan iaitu tiada pengalaman bekerja, kelemahan berbahasa Inggeris dan bidang pengajian tidak sesuai dengan pekerjaan yang ditawarkan. Menurut Suriani (2008) pula, IPTA gagal menyediakan pelajar dengan bidang komunikasi dan penguasaan bahasa Inggeris sehingga menyukarkan graduan bersaing untuk mendapatkan kerja dan menyebabkan masalah pengangguran.

Kenyataan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan selepas merasmikan pameran kerjaya dan lepasan ijazah bertemakan “Graduan Aspire 2011” di KLCC menyatakan bahawa ketidakmampuan bertutur dalam bahasa Inggeris, tiada pengalaman bekerja dan bersikap memilih pekerjaan adalah antara faktor utama ramai siswazah terus menganggur. Majikan pula akan cenderung untuk memberi lebih banyak markah kepada mereka yang memiliki pengalaman bekerja walaupun pengalaman yang diraih itu dalam kategori lebih rendah (Utusan Malaysia, 2011).

Memandangkan kemahiran insaniah ini begitu penting untuk memastikan kebolehpayaan pelajar untuk mendapatkan pekerjaan, kajian perlu dilakukan untuk mengetahui setakat mana kemahiran insaniah yang telah diperolehi oleh para pelajar Kolej Antarabangsa IKIP (IKIP) sebagai persiapan untuk menempuh alam pekerjaan. Masalah penguasaan kemahiran insaniah ini boleh juga berlaku kepada IPTA yang mempunyai barisan pensyarah-pensyarah yang berpengalaman dan berpengetahuan serta mempunyai kelengkapan prasarana yang lengkap serta kondusif dan juga sistem kurikulum yang teratur. Maka, tidak mustahil perkara ini boleh berlaku di peringkat kolej juga.

IKIP merupakan salah sebuah IPTS di Malaysia yang telah ditubuhkan oleh Yayasan Pahang pada tahun 1992. Ia menjalankan pelbagai kursus-kursus di peringkat Diploma dan juga Sarjana Muda sama ada secara kerjasama dengan IPTA tempatan mahupun luar negara. Disamping itu juga, IKIP turut menjalankan kursus-kursus yang dianugerahkan sendiri oleh IKIP.

Fenomena kegagalan untuk menguasai kemahiran insaniah ini tidak mustahil boleh juga berlaku kepada graduan IKIP. Justeru itu, kajian ini perlu dilakukan bagi melihat sejauh mana tahap penguasaan kemahiran insaniah yang dimiliki oleh pelajar-pelajar tahun akhir IKIP sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Disamping itu juga, kajian ini akan dapat mengenal pasti kaedah pengajaran yang sesuai atau paling berkesan untuk menerapkan kemahiran insaniah ini.

1.4 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir yang belajar di Kolej

Antarabangsa IKIP, Kuantan, Pahang. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan kepada hanya tiga daripada tujuh kemahiran insaniah yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Kemahiran insaniah tersebut adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah serta kemahiran kerja berpasukan.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Kolej Antarabangsa IKIP.
- (ii) Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Kolej Antarabangsa IKIP.
- (iii) Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Kolej Antarabangsa IKIP.
- (iv) Mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berupaya menerapkan kemahiran insaniah pelajar.
- (v) Mengenal pasti perbezaan di antara tahap penguasaan kemahiran insaniah dengan bidang pengkhususan pelajar.
- (vi) Mengenal pasti perbezaan di antara tahap penguasaan kemahiran insaniah dengan jantina pelajar.

1.6 Persoalan kajian

Bagi mencapai objektif kajian ini, persoalan-persoalan ini akan menjadi panduan kepada kajian ini.

- (i) Apakah tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Kolej Antarabangsa IKIP?
- (ii) Apakah tahap penguasaan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Kolej Antarabangsa IKIP?
- (iii) Apakah tahap penguasaan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Kolej Antarabangsa IKIP?

- (iv) Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berupaya menerapkan kemahiran insaniah mengikut bidang pengkhususan pelajar?
- (v) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran insaniah dengan bidang pengkhususan pelajar?
- (vi) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran insaniah dengan jantina pelajar?


1.7 Hipotesis kajian

Terdapat enam hipotesis kajian yang telah dibentuk bagi menjawab persoalan kajian yang telah diajukan. Hasil daripada hipotesis yang telah dibina ini akan dapat menjawab sama ada terdapat perbezaan yang signifikan ataupun tidak dari segi ketiga-tiga kemahiran insaniah tersebut dengan bidang pengkhususan pelajar dan juga jantina pelajar. Hipotesis nol tersebut adalah seperti berikut:

- (i) H_{o1} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi dengan bidang pengkhususan pelajar.
- (ii) H_{o2} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penguasaan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah dengan bidang pengkhususan pelajar.
- (iii) H_{o3} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penguasaan kemahiran kerja berpasukan dengan bidang pengkhususan pelajar.
- (iv) H_{o4} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi dengan jantina pelajar.
- (v) H_{o5} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penguasaan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah dengan jantina pelajar.
- (vi) H_{o6} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penguasaan kemahiran kerja berpasukan dengan jantina pelajar.

1.8 Kerangka konsep

Kerangka konsep kajian ini boleh dirujuk dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2: Kerangka konsep kajian

1.9 Kepentingan kajian

Kajian ini adalah penting kerana ia dapat memberi faedah kepada pelbagai pihak. Memandangkan kajian ini dilakukan merentasi sekolah-sekolah pengajian yang terdapat di IKIP, maka secara tidak langsung, pentadbir IKIP akan dapat mengetahui sejauh mana keberkesanan proses penerapan kemahiran insaniah di kalangan pelajar IKIP serta apakah tindakan lanjutan yang perlu dilakukan untuk memperbaiki keadaan.

Seterusnya, para pensyarah juga akan dapat mengenal pasti sejauh mana keberkesanan pengajaran mereka di dalam kelas dalam membantu menerapkan ketiga-tiga kemahiran insaniah tersebut. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dirasakan paling sesuai oleh pelajar untuk menerapkan kemahiran insaniah tersebut akan dapat dikenal pasti. Ini dapat memberikan gambaran kepada pensyarah tentang kaedah yang paling sesuai untuk dijalankan semasa sesi kuliah bagi membantu para pelajar untuk menguasai kemahiran insaniah tersebut.

Bagi pelajar pula, mereka akan dapat mengetahui sejauh mana kemahiran insaniah yang telah mereka perolehi sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Pengetahuan ini dapat digunakan oleh mereka untuk membuat persiapan untuk sesi temuduga ataupun memperbaiki kelemahan mereka yang telah dikenalpasti. Secara tidak langsung, mereka juga akan tahu jika terdapat kemahiran insaniah yang lain yang perlu mereka kuasai sebelum mereka bekerja.

Bagi majikan pula, dapatan kajian perbezaan di antara bidang pengkhususan dan jantina ini akan dapat digunakan untuk dijadikan rujukan agar persiapan lebih rapi dapat dilakukan untuk mencari bakal graduan yang mempunyai kemahiran insaniah yang sesuai untuk organisasi mereka. Disamping itu juga, majikan juga akan dapat mengetahui apakah jangkaan kelemahan graduan daripada setiap bidang yang berbeza.

1.10 Skop kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar kejuruteraan, sains komputer dan pengurusan yang sedang berada di tahun akhir pengajian mereka di Kolej Antarabangsa IKIP, Kuantan, Pahang. Kajian ini juga hanya menumpukan kepada hanya tiga daripada tujuh kemahiran insaniah yang telah digariskan oleh

Kementerian Pengajian Tinggi. Kemahiran insaniah yang dikaji disini adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah serta kemahiran kerja bebasukan.

1.11 Batasan kajian

Definisi pelajar tahun akhir dalam kajian ini juga merangkumi pelajar-pelajar yang terpaksa menambah tempoh pengajian mereka di atas sebab-sebab tertentu seperti faktor kewangan dan masalah pembelajaran. Sekiranya mereka sedang berada di tahun ketiga pengajian walaupun tahun tersebut bukannya merupakan tahun terakhir pengajian mereka, mereka ini turut dikira sebagai pelajar tahun akhir meskipun mereka masih mempunyai banyak lagi baki kredit yang perlu dihabiskan. Ini berikutan agak sukar untuk mengkategorikan mereka sebagai pelajar tahun akhir tanpa menganggap yang tahun ketiga pengajian mereka merupakan tahun terakhir mereka.

1.12 Definisi operasional

Definisi yang diberikan berikut adalah istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.12.1 Pelajar Kejuruteraan

Pelajar kejuruteraan bermaksud pelajar yang sedang mengikuti program-program kejuruteraan di IKIP. Ini merangkumi pelajar yang sedang mengikuti program Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa), Diploma Kejuruteraan Awam dan Diploma Kejuruteraan Elektronik sama ada program IKIP ataupun kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

1.12.2 Pelajar Sains Komputer

Pelajar sains komputer pula merangkumi pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat), Diploma Sains Komputer (Multimedia) dan Diploma Sains Komputer sama ada program IKIP ataupun kerjasama dengan UTM.

1.12.3 Pelajar Pengurusan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, (2005), pengurusan bermaksud perihal (kerja dan sebagainya) mengurus sesuatu, syarikat, badan perniagaan dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, pelajar pengurusan merangkumi pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program Diploma Pengurusan Institusi Islam, Diploma Pengurusan Teknologi, Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan) dan Diploma Pengajian Perniagaan sama ada program IKIP atau secara kerjasama dengan UTM atau UiTM di IKIP.

1.12.4 Pengajaran dan pembelajaran

Menurut Mok (1992), pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu manakala pembelajaran merupakan suatu perubahan tingkah laku manusia yang agak kekal dan stabil serta dihasilkan melalui pengalaman atau latihan.

Dalam konteks kajian ini, pengajaran merujuk kepada proses pensyarah menyampaikan pengetahuan mereka kepada pelajar-pelajar yang tergolong dalam kajian ini. Manakala pembelajaran pula merupakan proses penerimaan pengetahuan pelajar tersebut daripada pensyarah.

1.12.5 Tahap penguasaan

Mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2005) tahap penguasaan ialah tahap-tahap peningkatan dalam profesion tertentu daripada tahap paling bawah ke tahap yang paling tinggi yang boleh dicapai. Maksud tahap penguasaan dari gabungan kedua-dua definisi tahap dan penguasaan pula ialah peringkat atau tingkat penguasaan yang membawa maksud perbuatan atau hal menguasai, pemahaman, pencapaian dan pendapat.

Dalam kajian ini, tahap penguasaan bermaksud setakat mana tahap penguasaan para pelajar terhadap tiga daripada tujuh kemahiran insaniah yang telah disenaraikan oleh KPT.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Penguasaan kemahiran insaniah akan menjamin seseorang modal insan itu terus relevan dan mampu bersaing dalam dalam era globalisasi yang penuh cabaran masa kini. Jangka hayat pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam bidang tertentu merupakan pengetahuan yang perlu untuk jangka masa singkat tetapi pelajar perlu juga dilengkapi dengan kemahiran insaniah yang dianggap sebagai kemahiran masa depan. Bagi memastikan Malaysia mempunyai modal insan yang berkualiti dan mampu membawa cabaran negara ke peringkat antarabangsa, institusi pengajian dan latihan di negara ini perlu memastikan sistem yang digunapakai sentiasa dinamik dan juga relevan.

2.2 Definisi Kemahiran Insaniah

Menurut Kearns (2001), kemahiran insaniah pada seseorang individu boleh dikelaskan kepada empat kumpulan iaitu kesediaan bekerja dan sifat bekerja individu, pengetahuan dalam keusahawanan, kreatif dan inovatif, mempunyai kemahiran interpersonal dan berfikir, serta ada kemahuan untuk belajar. Bagi kemahiran insaniah dalam kelompok yang pertama, kesediaan bekerja dan sifat bekerja, ia bermaksud selain daripada pengetahuan asas pada seseorang individu dalam bidang tertentu dan mahir dalam penggunaan teknologi, amalan dalam bekerja, mempunyai minat dalam perniagaan dan boleh mengurus diri dan merancang dalam organisasi juga merupakan perkara yang penting.

Bagi kelompok yang kedua pula, seseorang pekerja juga perlu mempunyai kemahiran interpersonal iaitu kemahiran dalam berkomunikasi tidak kira sama ada secara lisan atau bertulis terutama dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan

baik. Beliau juga perlu memahami dan menghormati pendapat orang lain serta memahami diri sendiri.

Seterusnya, kemahiran insaniah dalam konsep berfikir dan belajar bermaksud seseorang itu boleh menggunakan daya berfikir yang baik dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, mampu menganalisa maklumat dan ada kemahuan dalam diri sendiri untuk belajar memajukan diri. Kelompok terakhir pula adalah berbentuk kemahiran keusahawanan, inovasi dan kreatif. Ini bermaksud seseorang itu perlu mempunyai ilmu dalam perusahaan, berinovasi dalam menghasilkan produk dan kreatif dalam melaksanakan sesuatu perkara. (Kearns, 2001).

Menurut Azalya (2003), kemahiran insaniah diperlukan oleh seorang pelajar untuk mengadaptasikan diri dengan pelbagai situasi pekerjaan dan sekaligus dapat melahirkan seorang pelajar yang berkualiti dalam semua bidang. Kemahiran insaniah adalah satu kemahiran umum selain kemahiran teknikal dalam bidang pengkhususan masing-masing yang diperlukan oleh seseorang itu untuk bekerja dengan berkesan di tempat kerja, berkebolehan dalam menyelesaikan masalah, berkomunikasi secara efektif, berfikir secara kritikal dan kreatif, bekerja berpasukan, mampu menghadapi daya saing dan sebagainya (Mohammad Yusof, 2004).

Menurut Mohammad Yusof (2004) lagi, kemahiran insaniah yang telah digariskan oleh UTM terbahagi kepada tujuh iaitu; kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, fleksibel atau mampu menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan kemahiran dalam etika atau moral. Secara umumnya, kemahiran insaniah yang telah dinyatakan adalah bersesuaian dengan lima unsur-unsur asas dalam pembelajaran koperatif yang telah dinyatakan oleh Johnson, Johnson & Holubec (1988). Unsur-unsur asas tersebut adalah saling pergantungan positif, interaksi bersemuka, akauntabiliti individu, kemahiran koperatif dan pemprosesan kumpulan.

2.3 Kemahiran Insaniah yang diperlukan oleh industri

Bermula pada tahun 1980an, perubahan mendadak dalam bidang teknologi, pengeluaran dan pemasaran, ICT dan pergerakan pekerja telah meningkatkan persaingan di dunia tanpa sempadan ini. Bagi mengekalkan daya saing dan memastikan kemandirian (*survival*) organisasi, pihak industri telah mengenal pasti modal insan sebagai aset yang paling penting. Walau bagaimanapun, pihak industri

tidak mempunyai banyak masa untuk melatih atau melatih semula tenaga kerja dari IPT.

Perkara yang diperlukan ialah modal insan yang dinamik dan *versatile* yang boleh menyesuaikan diri dengan cepat dan dapat menghadapi cabaran dan keperluan tempat kerja. Sehubungan dengan itu, graduan perlu dilengkapi bukan sahaja dengan pengetahuan teknikal atau bidang tertentu sahaja tetapi juga dengan sikap, kemahiran dan trait yang betul. Secara umumnya, mereka memerlukan kemahiran insaniah yang mempunyai nilai tambah merentasi bidang disiplin yang dipelajari (Bennet, Dune & Carre, 2000). Pada asasnya kemahiran insaniah diperlukan kerana ianya merupakan keperluan untuk sentiasa berdaya saing, keperluan untuk mendapatkan ilmu baru dalam dunia berasaskan ilmu (*k-world*) sekarang ini, keperluan untuk bersosial dan berinteraksi dalam dunia yang serba kebergantungan dan sebagai keperluan tempat kerja.

Menurut Paul Low, Naib Presiden, Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia (Low, 2002), kebanyakan graduan tidak peka dengan perubahan keperluan industri yang sentiasa dinamik. Oleh yang demikian, para graduan perlu berupaya untuk mencari maklumat daripada data yang sedikit dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang tepat, berupaya untuk menggunakan teknologi untuk mendapatkan maklumat, berupaya untuk menjalinkan rangkaian dengan individu dari bidang yang lain dan berupaya untuk cepat memahami isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat, organisasi dan perniagaan yang ada kena mengena dengan industri. Perubahan mendadak ini memerlukan individu yang mempunyai nilai tambah dalam kreativiti, berfikiran kritis, fleksibel dan berani mengambil risiko.

Berdasarkan RMK-8 pula, negara kita telah mula menjadikan ekonomi berasaskan pengetahuan pada pertengahan tahun 1990an dan di antara langkah yang telah diambil adalah dengan pelancaran Agenda IT Negara (NITA) dan Koridor Raya Multimedia (MSC). Dengan penciptaan dan penyebaran pengetahuan maklumat yang pesat ini melalui kemajuan ICT telah mengubah cara barangan serta perkhidmatan di keluarkan atau dipasarkan. Namun begitu negara masih lagi pada kedudukan yang ke 17 berbanding 21 negara-negara lain mengikut kedudukan negara berasaskan Indeks pembangunan Ekonomi Berasaskan Pengetahuan (KDI), 2000.

Hal ini berlaku kerana dunia hari ini yang mementingkan ilmu pengetahuan dalam perindustrian menyebabkan ekonomi Malaysia masih lagi di tahap bawah ekorannya atau sumber modal insannya yang tidak mempunyai kemahiran

insaniah yang membolehkan pengeluaran industri yang lebih produktif. Justeru itu, kemahiran insaniah amat penting bagi seorang pekerja untuk meningkatkan kerjaya serta ekonomi negara. Ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi adalah sebagai penggunaan secara langsung pengetahuan dan maklumat dalam proses pengeluaran. Di dalam fungsi pengeluaran tradisional dahulu, input yang dianggap penting adalah buruh dan modal tetapi dalam industri masa kini, ia memerlukan pengetahuan sebagai pelaburan dan meningkatkan kapasiti faktor pengeluaran yang produktif disamping membuat perubahan bentuk proses pengeluaran baru (Rizaudin *et.al*, 2000).

Bagi mencapai impian negara menjadi sebuah negara perindustrian berasaskan pengetahuan, maka setiap individu perlulah meningkatkan kebolehan kognitif dan kemahiran insaniah yang lain. Kebolehan kognitif yang tinggi dalam bidang pekerjaan akan membolehkan seseorang itu cekap dalam pekerjaannya, produktif dan kompeten serta dapat menjalankan kerja dengan baik (Zainudin *et.al*, 2000). Kebanyakan majikan masa kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga memerlukan kemahiran insaniah untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan berdaya saing.

Pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah tersebut akan dapat menyesuaikan diri dengan semua jenis pekerjaan dan bersifat serba boleh. Oleh itu kemahiran insaniah adalah penting bagi ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk perindustrian adalah adaptabiliti, analitik, komunikasi, inisiatif, interpersonal, kepimpinan, keyakinan diri, dan bekerja dengan orang lain. Dengan gabungan pelbagai kemahiran ini akan meningkatkan produktiviti individu serta pengeluaran syarikat (Mohd Safarin & Kamaruddin, 2004).

Tahap kepentingan kemahiran-kemahiran insaniah tersebut bergantung kepada jenis perindustrian. Menurut Felstead, Ashton & Green (2000), dalam satu kajian yang dilakukan di Britain, ia menunjukkan bahawa terdapat permintaan yang berbeza di kalangan industri mengenai kemahiran insaniah. Jadual 2.1 adalah ringkasan keperluan industri tersebut.

Jadual 2.1: Permintaan Kemahiran Insaniah Mengikut Industri
(Felstead, Ashton & Green, 2002)

Industri	Kemahiran Insaniah
Perkhidmatan, Kewangan Pengurusan	tanggung risiko, kepemimpinan, teknologi maklumat dan komunikasi.
Telekomunikasi	bersedia hadapi tekanan, teknologi maklumat, fleksibiliti dan komunikasi
Kerajaan tempatan dan pusat	Komunikasi yang membolehkan menyakinkan pelanggan, bekerja di dalam kumpulan, berfikir kritis, fleksibiliti, pengurusan sumber, teknologi maklumat.
Kejuruteraan	Berkemahiran dalam teknologi maklumat, komunikasi, fleksibiliti, bekerja di dalam kumpulan dan berfikir kritis.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Azalya (2003) pula, pandangan majikan mengenai kepentingan kemahiran insaniah dikalangan pekerja di industri Bayan Lepas Pulau Pinang, mendapati bahawa industri memerlukan pekerja yang fasih berbahasa Melayu dan berbahasa Inggeris. Pertuturan, penulisan yang jelas dan mudah difahami mendapat skor 100% daripada jumlah responden. Penggunaan teknologi maklumat dan perkembangan baru dalam teknologi mendapat skor lebih kurang 90%. Ini menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi dan penggunaan teknologi maklumat penting bagi seorang pekerja di industri di negara hari ini.

Kementerian Sumber Manusia (2010) pula menyatakan bahawa di antara faktor graduan tidak mendapat pekerjaan di industri adalah disebabkan oleh majikan masa kini yang memerlukan kemahiran insaniah dari segi keperibadian, penampilan, keyakinan diri, mahir berkomunikasi dan mampu membuat keputusan dengan pantas di samping pengetahuan akademik tetapi graduan hari ini tidak mampu melaksanakannya menyebabkan mereka tidak diterima bekerja.

2.4 Kemahiran Insaniah yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi

Menyedari tentang kepentingan kemahiran insaniah dikalangan bakal-bakal graduan, KPT telah mengeluarkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk IPT Malaysia pada 2005. Terdapat tujuh kemahiran insaniah yang perlu diterapkan dalam diri setiap mahasiswa iaitu kemahiran berkomunikasi; kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah; kemahiran kerja berpasukan; kemahiran

keusahawanan; pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat; etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan.

2.4.1 Kemahiran berkomunikasi

Kemahiran berkomunikasi yang baik adalah asas dalam setiap perhubungan dan ia merupakan kunci kepada setiap kejayaan. Menurut Abdul Aziz (2000), 80% manusia gagal dalam kerjayanya disebabkan oleh satu faktor iaitu mereka gagal untuk berhubung dengan orang lain. Semua jenis kerjaya seperti penyelia, pengurus, jururawat, setiausaha, tukang masak, tukang kebun, peguam, doktor perubatan, kerani atau apa sahaja kerjaya yang diceburi memerlukan kemahiran berkomunikasi dengan baik. Komunikasi juga merupakan aktiviti penting dalam sesebuah organisasi. Sebagai contoh, pengurus-pengurus menggunakan 85-90% daripada masa kerja mereka melakukan kerja yang berkaitan dengan komunikasi seperti memberi arahan, berunding dengan pembekal dan sebagainya.

Kemahiran berkomunikasi terdiri daripada beberapa elemen. Ia melibatkan komunikasi yang berkesan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks yang berlainan dan dengan peserta komunikasi yang berlainan. Elemen-elemen yang dinilai oleh KPT adalah berkebolehan untuk menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis; berkebolehan untuk mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas; berkebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar; berkebolehan untuk menggunakan teknologi di dalam pembentangan; berkebolehan untuk berunding dan mencapai persetujuan; berkebolehan untuk berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang mempunyai budaya berlainan; berkebolehan untuk mengembangkan kemahiran komunikasi perseorangan; dan berkebolehan untuk menggunakan kemahiran bukan lisan.

2.4.2. Kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah

Abdul Ghani (1996) menyatakan bahawa kemahiran menyelesaikan masalah merangkumi kebolehan untuk mengenal pasti dan memilih informasi, menilai informasi, sumber informasi dan cara mendapatkan informasi dan menggunakan

informasi dengan berkesan. Kemahiran ini merangkumi kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan dari pelbagai sumber, kebolehan menerima idea baru dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi serta kebolehan mengembangkan minda ingin tahu dan dahagakan ilmu,

Kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah (CTPS) melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, analitis serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan. Elemen-elemen yang ditetapkan oleh KPT adalah berkebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian berjustifikasi; berkebolehan mengembangkan dan memperbaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan; berkebolehan untuk mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif; berkebolehan berfikir melangkaui batas; berkebolehan membuat keputusan berdasarkan bukti yang kukuh; berkebolehan untuk bertahan serta memberikan perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang diberikan; dan berkebolehan untuk memahami dan menyesuaikan diri kepada budaya komuniti dan persekitaran kerja yang baru.

2.4.3. Kemahiran kerja berpasukan

Levin (2005) menyatakan bahawa kemahiran bekerja dalam kumpulan terbahagi kepada dua aspek iaitu intelektual dan emosional. Kemahiran intelektual merujuk kepada berfikir berdasarkan emosi. Kemahiran ini melibatkan pemerhatian, penyiasatan, teori dalam menganalisis tugas dan merumuskan sesuatu. Kemahiran emosional pula berkaitan dengan berurusan dengan emosi sendiri dan membina hubungan dengan orang lain. Ia meliputi berunding dengan orang lain, menyelesaikan perbezaan pendapat, mempertahankan diri sendiri dan juga mengawal emosi apabila berdepan dengan krisis.

Kemahiran kerja berpasukan melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosio budaya untuk mencapai matlamat yang sama. Elemen-elemen yang dinilai oleh KPT adalah berkebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama; berkebolehan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti di antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan; berkebolehan untuk mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan

orang lain; berkebolehan untuk memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan; dan bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan.

2.5 Penerapan Kemahiran Insaniah dalam pembelajaran

Berdasarkan kepada Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk IPT Malaysia yang dikeluarkan oleh KPT (2006), kaedah penerapan kemahiran insaniah merupakan teknik atau cara yang boleh digunakan agar kemahiran yang diperlukan dapat diterapkan dalam diri pelajar. Ia menyatakan bahawa terdapat dua pendekatan dalam usaha untuk membangunkan kemahiran insaniah dalam pengajaran formal iaitu model infusi dan difusi. Ini dapat diperhatikan dalam Rajah 2.1.

Dalam model difusi, kursus-kursus spesifik direka bentuk untuk tujuan membangunkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan lain-lain. Kursus-kursus seperti Pengucapan Awam, Pemikiran Lateral atau Pemikiran Kritis adalah contoh-contoh pendekatan ini. Pendekatan difusi ini juga boleh digunakan dengan menggalakkan pelajar untuk mengambil beberapa kursus tambahan dan dihipunkan untuk mendapat Minor dalam sesuatu bidang lain dari program asal seperti Minor dalam Pengurusan, Minor dalam Sains Komputer dan Minor dalam Komunikasi Massa. Namun, pendekatan ini memerlukan tambahan bilangan kredit dan masa pengajian biasanya akan melebihi tempoh lazim (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah, 2006).

RUJUKAN

- Ab. Aziz, Y., (2003). *Mengurus Pasukan Kerja Prestasi Tinggi*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abd Ghafar, M. D., (2003). *Prinsip Dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd. Hair, A, Rahmah, I. & Zafir, M. M. (2009). *Pembangunan dan Pengurusan: Modal Insan Negara*. Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM.
- Abdul Aziz, A.R. (2000). *Kemahiran Sosial Asas*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Ghaffar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghani, A (1996). *Kemahiran Belajar Di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah, A. B. (2006). *Buku Rasmi Tahunan Malaysia 2006*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Afifah, H. (2008) *Pola Penerimaan Komputer di Kalangan Kakitangan Organisasi Awam: Kajian Kes Kakitangan Teknikal Majlis Perbandaran Kuantan*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tesis Sarjana.
- Ahmad A. H (1986), *Tingkh laku Organisasi Dalam Pengurusan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Muhaimin, M., Jamalludin, H. & Baharuddin, A. (2008). *Kelemahan penguasaan kemahiran di kalangan pelajar: pedagogi dan teknologi sebagai pendekatan penyelesaian*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah 2008, 25-27 November 2008, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad, E., Jailani, M. Y., dan Noraini, K.(2004). *Penerapan Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum di Politeknik*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

- Alreck, P.L. dan Settle R.B. (1995). *The survey Research Handbook*. USA: Irwin Inc.
- Anand Kumar, S. (2010), Kementerian Wujud Instrumen Ukur Penguasaan Pelajar. Dicapai pada Mac 09, 2010 dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kementerianwujudinstrumentukurpenguasaanpelajar/Article>.
- Azalya, A.(2003). *Keperluan Kemahiran Generik Di Kalangan Pekerja Di Industri Elektrik dan Elektronik Di Bayan Lepas. Pulau Pinang*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Azam, A. (2007) *Tahap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Kelantan Dan Negeri Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B., dan Abd Rahim. H., (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bennett, N., Dunne, E. & Carré, C. (2000). *Skills Development in Higher Education and Employment*. Buckingham: SHRE and Open University Press.
- Berita Harian. (2011, Jun 01). *Skim Latihan 1Malaysia untuk graduan dilancar*. Dicapai pada Oktober 01, 2011 dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/SkimLatihan1Malaysiauntukgraduandilancar/Article>
- Biggs, J. (1999). *Teaching for quality learning at university*. Buckingham, U.K.: Society for Research into Higher Education & Open University Press.
- Brenner, M. (1979), *Influence of the Social Environment on Psychology*.
- Buntat, Y. (2004) *Integrasi kemahiran "employability" dalam program pendidikan vokasional pertanian dan industri di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis PhD.
- Carpenter, J. D.(2006). *Using Problem Based Learning to Improve The Teaching of the Legislative Branch In An American Governments Class*. Wayne State University, USA. Tesis Sarjana.
- Castella, T & McClatchey, C. (2011). *Whatever happened to full employment?* Dicapai pada Oktober 13, 2011 dari <http://www.bbc.co.uk/news/magazine-15276765>
- Christina, A. @ Nur Qistina. A. & Tuan Mohd Has'wadi, T. D.,(2010). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Kursus Kemahiran Hidup*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Costa, A. & Lowery, L. (1997). *Techniques for Teaching Thinking*, Pacific Grove, California: Midwest Publications.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ellington, H., & Earl, S. (1999). *Facilitating student learning: A practical guide for tertiary-level teachers*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Felstead, A, Ashton, D. & Green, F. (2000). *Are Britain's workplace skills becoming more unequal?*. Cambridge Journal of Economics, 24, 709 –727.
- Fisher, A & Scriven, M. (1997). *Critical Thinking. Its Definition and Assessment. Argumentation*. 16 : 247-251. U.K : Edgepress,
- Friedman, D. (1986), *Price Theory: First Edition, Chapter 22: Inflation and Unemployment*. Dicapai pada Julai 27, 2011 dari http://www.daviddfriedman.com/Academic/Price_Theory/PThy_1st_Edn_Ch22/Pthy_1st_Edn_Chap_22.html.
- Fry, H., Ketteridge, S., & Marshall, S. (2003). *A handbook for teaching & learning in higher education: Enhancing academic practice (2nd Edition)*. London: Kogan Page.
- Gardner, H. (1973). *The arts and human development*. New York: Wiley. Second Edition, 1994.
- Global Employment Trends. (2011), *The Challenge of A Jobs Recovery / International Labour Office*. Geneva: International Labour Organisation.
- Gurcharan Singh Sandhu (2003). *Menerajui Diri Kearah Kecemerlangan Hubungan Dengan Orang Lain Dan Organisasi*. Batu Caves : Thinker's library Sdn. Bhd.
- Harian Metro. (2007, Jul 25). *Tunjuk Hala Tuju Kerjaya*. Dicapai pada Oktober 01, 2011 dari <http://www.books.perintis.com.my/keratan/keratan26.htm>
- Hazilah, M. A., Juhana, S., Salwani Abdullah, Hairulliza Mohamed Judi & Nor Azan Mat Zain (2002). *Tahap kepentingan Kemahiran Komputer Mengikut Fungsi Pekerjaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Kertas Kerja Seminar.
- Haslinda, R. H., Muhammad Nubli, A. W. & Zarina, M. A. (2005). *Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Bersepadu: Konsep dan Pelaksanaannya Di Kolej Universiti Kejuruteraan*. Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan, Hotel Aseania, Langkawi 17-18 Disember 2005.

- Hiedack, C. & Schulz, W. (1997). *A forward-looking approach to continuing training for trainers: Good examples of developing core skills in Germany*. European Journal of Vocational Training.
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara. (IPPTN) 2004. *Pencapaian Akademik (Konsep Nilai Tambah) dan Kebolegunaan Tenaga (Employability) Siswazah*. Institusi Pengajian Tinggi. Monograf 3/2004.
- ILO, (2011). *Global Employment Trends 2011*. Geneva: International Labour Office.
- Ishak, M. S. & Zainorazlin, M. N., (2003) *Faktor-faktor kerja berpasukan dan pengaruhnya kepada prestasi*. Jurnal Kemanusiaan, 17 (2). pp. 1-11.
- Jabatan Perdana Menteri. (2000). *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2001-2010*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Jabatan Perdana Menteri. (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Perdana Menteri (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Jailani, M. Y. (2007). *Kecemerlangan Tenaga Pengajar Menjadi Impak yang Besar Ke Arah Melahirkan Modal Insan Yang Berkualiti*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Dicapai pada Oktober 30, 2011, dari Jabatan Tenaga Manusia: <http://www.jtm.gov.my/seminar/Kertas%20Kerja%20Seminar%20Pengajar%20Kemahiran%202007%202%20outhm.pdf>.
- Johnson, D. W., Johnson, R. T. & Holubec, E. J. (1988). *Cooperation in the classroom*. Edina, Minnesota: Interaction Book.
- Kearns, P. (2001), *Generic Skills For The New Economy – review of research*. NCVET, Adelaide.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2011). *Laporan Eksekutif, Kajian Pengesanan Graduan IPT 2010*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Sumber Manusia. (2010). *Enam faktor pengangguran*. Dicapai pada Oktober 30, 2011 dari http://www.mohr.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=2320%3Aenam-faktor-pengangguran&catid=150%3Anews&Itemid=161&lang=en

- Kerlinger, F. M. (1986). *Foundation of behavioral research* (3rd ed.). New York: Winston Inc.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning: Experience as the Source of Learning and Development*. Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, N.J.
- Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research: Educational And Psychological Measurement*. Educational and Psychological Measurement. 30. 607-610.
- Levin, P. (2005). *Successful Teamwork*. Open University Press
- Likert, R. (1932). A Technique for the Measurement of Attitudes. *Archives of Psychology* 140: 1–55.
- Low, P. (2002). *Meeting the needs of industry: The challenges to training and education*.
- Marliana, M. & Ahmad, E. (2008), *Tahap Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik Serta Pendidikan*. Johor: Journal of Techno Social.
- Marline Yusuf., (2007). *Mengkaji hubungan di antara kemahiran generik dengan pencapaian akademik pelajar tahun akhir yang mengambil mata pelajaran Fizik (SPF, SPM, SPN dan SPP) di Fakulti Pendidikan UTM Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia*.
- Marton, F & Booth, S (1997). *Learning and Awareness*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Megat Zakaria, M. A. Z., Abdul Hamid, M. Z., Aris, B. & Harun, J., (2007). *Hubungan Antara Kemahiran Generik Dengan Jantina, Pengkhususan Dan Pencapaian Guru-Guru Pelatih UTM : Satu Tinjauan*. Prosiding Seminar Penyelidikan IPG Batu Lintang 2007.
- Mohamad Najib, A. G. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad, S. & Azali, M. (2008), *The University – Industry Linkage: The Role Of Student Development Services Profesional*. Regional Convention On Student Development, Phuket, Thailand) October 29th – 31th, 2008, Organized by Universiti Utara Malaysia.

- Mohammad Yusof, A. (2004). *Kemahiran Generik dan Atribut Graduan UTM*. Bengkel Pemantapan Soalan Peperiksaan Akhir dan Penerapan Kemahiran Generik. Tidak diterbitkan.
- Mohd Safarin, N. & Kamaruddin, M. T. (2004). *Kemahiran Generik – Kepentingan dalam memenuhi keperluan majikan masa kini*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Kertas kerja.
- Mohd Safarin, Mohd Zolkifli & Mohd Khata (2005). *Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti*. Seminar Pendidikan Fakulti Pendidikan 2005: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd.Sahandri, G. H. & Saifuddin, K. A. (2009). *Universiti Putra Malaysia. Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. European Journal of Social Sciences – Volume 11, Number 4.
- Mohd Salleh, A., Meor Ibrahim, K., Zainudin, A. B., Mohd Ali, I., Megat Zakaria, M. A. Z. & Bunyamin, M. A. H., (2009). *Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Utm.*, Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mokhtar, I. (1995). *Penilaian di Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok, S. S. (1992). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah) Semester 1 dan 2*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Newble, D., & Cannon, R. (1995). *A handbook for teachers in universities & colleges: A guide to improving teaching methods* (3rd ed.). London: Kogan Page.
- Nicholls, G. (2002). *Developing teaching and learning in higher education*. London: Routledge Falmer
- Noorasmahwati, M. D. (2008), *Penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar kejuruteraan di politeknik*. Universiti Tun Hussein Onn. Tesis Sarjana.
- Noor Shakirah, O. (2012), *Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.

- Noraini, M. N & Hung, H.Y, (2010). *Penguasaan Kemahiran Generik Pelajar 4SPH (Perdana) Untuk Persediaan Menceburi Bidang Perguruan Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Mohd Noor et al. (2003). *Pengintegrasian Kemahiran Bolehguna Yang Dianggap Penting Untuk Pekerjaan Oleh Industri dan Guru Teknik dan Vokasional Di Malaysia*. Laporan Penyelidik. Universiti Teknologi Malaysia:
- Norani, M. N & Sazalie, S., (2007) *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kolej Yayasan Sabah* . Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noreen M. E. (2007) *Tahap Kesiediaan Kemahiran Generik Pelajar Tahun Akhir Yang Mengambil Matapelajaran Fizik di Fakulti Pendidikan, UTM*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Tesis Sarjana Muda.
- Normah, D., (2006). *Kepimpinan Instruksional Sebagai Pembudaya Kecemerlangan*. Seminar Keb. Kepimpinan Instruksional Ke-2, Kedah, Institut Aminuddin Baki Utara.
- Oller, J.W. (1979). *Language tests at school: A pragmatic approach*. London: Longman.
- Oswald, L.J.,(1996). *Work Team in Schools. Educational Management*. ERIC Digest.103.
- Pavlov, I. P. (1927). *Conditioned Reflexes: An Investigation of the Physiological Activity of the Cerebral Cortex*. Translated and Edited by G. V. Anrep. London: Oxford University Press.
- Piaget, J. (1937/1954). *La construction du réel chez l'enfant / The construction of reality in the child*. New York: Basic Books
- Radio Informasi. (2011). *Tiga Sebab Utama Siswazah Sukar Dapat Pekerjaan*. Dicapai pada Julai 6, 2011 dari <http://www.radioinformasi.com/2011/07/16/tiga-sebab-utama-siswazah-sukar-dapat-pekerjaan/>
- Ramsden, P. (1992). *Learning to Teach in Higher Education*, London: Routledge.
- Rizaudin et al. (2000). *Industri asas Pengetahuan: Klasifikasi dan sumbangan keatas Ekonomi Malaysia*. Seminar Kebangsaan Malaysia anjuran UUM dan UTM pada 20-21 November 2000.
- Rosleh, I. (2010). *Transformasi PTV ke arah Melahirkan Modal Insan Kelas*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Salkind J. N. (2003). *Exploring Research*. New Jersey: Prentice Hall.

- Salleh, A., Zuria, M. & Mokhtar, T. (2008). *Persepsi Pelajar IPTA Terhadap Konsep Dan Penekanan Aspek Kemahiran Insaniah*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008
- Sarimah, I & Abreza A.,(2010). *Aplikasi Pendekatan Penyelesaian Masalah Dalam pengajaran Mata Pelajaran Teknikal dan Vokasional di Fakulti Pendidikan UTM*. Journal of Educational Psychology and Counseling, volume 2.
- Sekaran, V. (1992), *Research Methods For Managers – A Skill Building Approach*. New York : John Wiley and Sons.
- Siti Fatimah, H. (2006). *Tunjuk Hala Tuju Kerjaya 2006*. Dicapai pada Oktober 30, 2011 dari <http://www.books.perintis.com.my/keratan/keratan26.htm>.
- Siti Hajar, A. B. (2005). *Persepsi mahasiswa IPTA terhadap Kepentingan Kemahiran Generik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Suriani, M. (2008). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Penguasaan Kemahiran Komunikasi Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan(Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera Dan Kemahiran Hidup) Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Susan, H. (1994). *Constructivism*. Dicapai pada Oktober 30, 2011 dari <http://www.towson.edu/csme/mcpp/Essay/Constructivism.txt>.
- Syed Jaafar, S.N.A. (2002) *Penguasaan kemahiran generik dalam memenuhi kehendak pasaran kerja: Kajian di kalangan pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Tesis Sarjana.
- Thomas, H. (1990). *Education Cost and Performance: Costs-Effectiveness Analysis*. London: Cassel Educational Ltd.
- Thorndike, E.L. (1932). *Reward And Punishment In Animal Learning*, Comparative Psychological Monographs, 8(9).
- Tuckmen, B. W. (1988). *Conducting Education Research*. 3th. Ed. San Diego: Harcourt Brace Jovanovich.
- Umi Nadiha, M. N., Zamri, M. & Jamaludin, B., (2011). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Utusan Malaysia. (2011). *Tiga sebab utama siswazah sukar dapat pekerjaan*. Dicapai pada Oktober 30, 2011 dari http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0716&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_20.htm
- Williams, R. L., & Anandam, K. (1973). *Cooperative classroom management*. Columbus, Ohio: Charles E. Merrill Co.
- Wonacott, R.J. (1979). *Econometrics*. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Wood, D. G. & Lange, T. (2000). *Developing core skills – lessons from Germany and Sweden*, Emeraldinsight, Education + Training, Vol. 42 Iss: 1, pp.24
- Yusoff, M. (2006). *Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar: Kajian Kes di Salah Sebuah Kolej Kediaman UTM, Kampus Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zainal, A & Shuib, M (2004). *Meningkatkan Potensi Minda*. Bentong : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd
- Zainudin, A.B, Abu, M. S., Kamaruddin, M. I., Ibrahim, M.A., Megat Zakaria, M. A. Z. & Bunyamin, M. A. H.,(2006). *Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan UTM*. Jppg 2006 Conference Proceedings.
- Zainudin, H., Abdul Rahman, M. N., Abdul Ghafar, M. N. & Zakaria, K., (2011). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Terengganu*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.